

## **MENGATASI KELEMAHAN MENULIS HURUF TERBALIK MENGGUNAKAN BUKU GARIS TIGA DAN KAEADAH PENGULANGAN BIMBINGAN INDIVIDU**

Oleh

**Afendi Anak Bajai**  
**afendibajai@ymailcom**

### **ABSTRAK**

*Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat keberkesanan penggunaan buku garis tiga dan teknik pengulangan individu secara berterusan dalam membantu mengurangkan masalah menulis huruf terbalik dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Subjek kajian telah dikenal pasti melalui pemerhatian hasil kerja subjek. Data diperoleh melalui pemerhatian hasil kerja dalam buku tulis subjek. Melalui data diperoleh, subjek mempunyai masalah menulis huruf terbalik. Melalui penggunaan buku garis tiga dan teknik pengulangan individu menulis huruf yang kerap ditekankan kepada responden didapati kesalahan menulis huruf terbalik dapat dikurangkan dari hari ke hari. Data dikumpul melalui pemerhatian hasil kerja dan cara memegang pensel, temu bual dengan guru pembimbing dan gambar hasil kerja subjek. Data dianalisis melalui jadual dan graf yang dibuat berdasarkan kepada kekerapan subjek menulis huruf terbalik. Graf dibaca melihat kepada bilangan huruf terbalik yang ditulis oleh responden dalam sehari pembelajaran dan pengajaran. Melalui analisis dapatkan kajian menunjukkan bahawa buku garis tiga dan pengulangan individu menulis huruf dengan cara yang betul boleh membantu dalam mengurangkan kanak-kanak menulis huruf secara terbalik.*

*Kata Kunci : Buku tulis garis tiga, pengulangan, berterusan, huruf terbalik, pemerhatian hasil kerja, graf, peningkatan.*

### **ABSTRACT**

*This study aimed to see the effectiveness of using “three-lined” book and individual continuous repetition technique in reducing the problem of forming letters inversely among pre-school children. Subjects have been identified through their work in their writing books. Observation on their work in their writing books was the main source of initial data collection. Through the data collected, a subject has been identified to be suffering from the problem of forming letters inversely. After being exposed to using “three-lined” book and the individual continuous repetition technique, the child’s problem of forming letters inversely has been reduced from day to day. Apart from observation of children’s work, other sources of data also came from the observation of the way the subjects held their pencil, interview with associate teachers and through the pictures of children’s work. Data analysis was performed by analyzing graphs and tables based on how frequent the child form letters inversely in daily teaching and learning sessions. The findings from this study has shown that the use of “three-lined” book and individual continuous repetition technique of writing and forming letters in the correct way could help to reduce the problem of forming letters inversely among children.*

*Key words: “Three-lined” books, repetition, continuously, forming letters inversely, observation of children’s works, graphs, improvement.*

## PENGENALAN

Saya merupakan seorang guru pelatih opsyen Prasekolah ambilan Januari 2009 dari Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPGKBL) yang mengambil kursus Ijazah Sarjana Muda Perguruan. Saya telah menjalankan praktikum fasa tiga di S.K Cemerlang (bukan nama sebenar). Semasa mengajar di S.K Cemerlang, saya berhadapan dengan murid prasekolah berumur enam tahun yang mempunyai masalah kemahiran menulis. Kesilapan yang sering dilakukan oleh Manja (bukan nama sebenar) ialah menulis huruf terbalik. Oleh itu, saya telah membantu Manja mengatasi masalah menulis huruf terbalik melalui penggunaan buku garis tiga dan kaedah pengulangan bimbingan individu.

### Konteks

Masalah pembelajaran merupakan perkara yang sering menjadi perhatian para guru bukan hanya masa kini, malahan sudah sekian lama. Terdapat pelbagai masalah dalam pembelajaran kanak-kanak, diantaranya adalah dari segi kemahiran menulis, mengenal huruf, menakul dan pelbagai lagi. Masalah-masalah sebegini yang perlu kita ambil tahu bagi membantu murid meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka berkembang secara menyeluruh seperti yang tertulis dalam falsafah pendidikan kebangsaan. Pelbagai kaedah dan inovasi yang telah digunakan oleh para guru dalam menangani masalah pembelajaran murid bagi membolehkan mereka meningkat dalam bidang akademik bukan sahaja dalam bidang kurikulum. Hal ini menunjukkan bahawa guru adalah prihatin dengan setiap perkembangan muridnya. Masalah-masalah yang telah dikenalpasti dalam pembelajaran murid ini kalau tidak diatasi memberikan kesan yang besar dalam dunia pendidikan Negara. Hal ini adalah kerana murid-murid ini yang menjadi pengganti pada masa hadapan dan akan meneraju dan membantu dalam perkembangan Negara kita Malaysia.

### Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Berdasarkan kepada pengalaman saya menjalankan praktikum dari fasa pertama hingga fasa ketiga dan keseluruhannya selama enam bulan, sedikit pengalaman yang saya peroleh sebagai persediaan awal untuk saya menghadapi masalah murid bukan sahaja dari segi penulisan, malahan juga dari segi tingkah laku murid. Pengalaman yang telah saya alami berdasarkan sekolah yang berbeza memberi gambaran awal kepada saya tentang masalah yang kerap kali berlaku dalam sekolah. Pengalaman selama enam bulan itu dapat memberi saya sedikit sebanyak pengetahuan yang sesuai untuk menyelesaikan masalah murid menulis huruf terbalik. Perkara ini tidak boleh dibiarkan dan guru perlu memainkan peranan dalam membantu murid meningkatkan kemahiran menulis murid dalam pembelajaran dan pengajaran dalam dan luar bilik darjah bagi mengembangkan murid secara menyeluruh.

Berdasarkan kepada pengalaman saya sepanjang menjalankan praktikum, beberapa inovasi seperti teknik pengulangan, menekankan cara memegang pensel

yang betul dan menggunakan garisan tiga telah digunakan oleh guru dalam menangani masalah murid menulis huruf terbalik. Perkara azali kanak-kanak semasa proses pembelajaran adalah suka menyanyi, kanak-kanak aktif jika menyanyi. Dengan ini, adalah baik guru mengambil peluang ini dengan mengaitkan nyanyian dalam mengenal huruf agar kanak-kanak lebih berminat untuk belajar mengenal huruf dan memudahkan mereka mengingat menggunakan teknik nyanyian. Masalah mengenal huruf ini biasanya berlaku pada peringkat awal pendidikan kanak-kanak yang berusia lima tahun, pertama kali mereka masuk ke sekolah.

Manakala bagi masalah yang lemah dalam kemahiran menulis, ianya berkaitandengan perkembangan psikomotor halus kanak-kanak. Kanak-kanak berkenaan diberi peluang untuk bermain pasir dan doh pada peringkat awal. Pada peringkat pra-tulisan, kanak-kanak bolehmembentuk huruf menggunakan doh dan menulis huruf pada pasir bagimembolehkan mereka mengenal dan mengecam bentuk huruf. Kemudian barulah murid ini diajar untuk memegang pensel dengan betul. Murid diajar menggunakan teknik ansur maju. Menggunakan marker untuk menulis, kemudian marker bersaiz sederhana dan terakhir sekali adalah pensel. Teguran serta merta dan ditunjukan cara memegang pensel dengan betul membolehkan murid cepat untuk menguasai kemahiran memegang pensel dengan teknik yang betul. Setelah dapat menguasai kemahiran memegang pensel dengan betul, barulah fokus kepada mengurangkan masalah menulis huruf terbalik murid. Dengan carasebegini membolehkan kanak-kanak ini untuk cepat menguasai kemahiran menulisjika dari awal motor halusnya dilatih untuk berkembang dengan baik. Kanak-kanakpada peringkat awalnya disarankan menulis huruf bersaiz besar dan jelas. Namunsebelum itu, kanak-kanak menulis pada udara dan lantai dengan jari sahaja tanpaalat tulis. Hal ini telah membantu kanak-kanak untuk berkembang dengan baikdalam menguasai kemahiran menulis.

### Fokus Kajian

Melalui tinjauan awal, saya mendapati subjek sering tidak siap latihan menulis huruf dalam buku tulisnya. Hasil semakan awal saya berdasarkan buku tulis subjek didapati banyak kesilapan huruf ditulis oleh subjek. Subjek mempunyai masalah menulis huruf terbalik. Saya juga mendapati murid berkenaan mempunyai masalahdalam memegang pensel dengan betul. Beberapa masalah subjek yang saya kenal pasti seperti malas membuat kerja sekolah, memegang pensel dengan teknik yang salah, tulisan tidak kemas dan menulis huruf terbalik. Namun begitu, fokus kajian saya adalah mengurangkan subjek daripada membuat kesalahan menulis huruf terbalik.

Saya mengenalpasti masalah subjek melalui tiga cara iaitu pemerhatian, temu bualdan menilai hasil kerja. Melalui pemerhatian saya dalam kelas, saya mendapati murid ini memang kurang berkomunikasi dengan rakan sebayanya dalam kelas dan merupakan murid yang pendiam dalam kelas. Namun selepas waktu rehat, murid ini menjadi aktif semasa bermain dengan seorang rakan baiknya iaitu Kecik (bukan nama sebenar). Murid ini tidak berkawan dengan rakan sebaya yang lain melalui pemerhatian saya sepanjang menjalankan praktikum di prasekolah A, S.K Cemerlang (bukan nama sebenar). Masalah lain saya dapati pada murid ini adalah saya mendapati caranya memegang pensel adalah lain daripada rakan yang lain

semasa saya membuat pemerhatiannya menulis huruf. Hal ini menyumbang penyebab kepada murid ini menulis huruf terbalik.

Saya juga menemu bual guru sebenar prasekolah A kerana beliau lebih mengenali karenah muridnya daripada saya. Hasil temu bual saya bersama guru pembimbing berkaitan dengan sikap subjek kajian dalam kelas telah memberikan jawapan berikut:

Saya Guru	: “Bagaimana sikap Manja (bukan nama sebenar)dalam kelas?” : “Manja (bukan nama sebenar) seorang kanak-kanakyang pemalu, apabila ditegur dia tidak mahu membuat kerja dan menyorok dibelakang sesiapa sahaja rakannya yang berhampiran dengannya. Namun begitu dia bukan seorang kanak-kanak yang nakal.”
Saya Guru	:“Bagaimana dengan sikap Manja terhadap pembelajaran dalam kelas?” : “Manja selalu lambat dan kadang-kadang tidak siap tugas yang sepatutnya disiapkan dalam kelas. Jika ada aktiviti dalam kelas, kadang-kadang dia tidak mahu ikut dan sukar dipujuk.”

Melalui temu bual ini, saya mendapat maklumat mengenai subjek kajian seorang yang pemalu dan kurang berkomunikasi dengan rakan sebaya dalam kelas. Apabila ditegur, dia menyembunyikan diri dibelakang rakannya ataupun bawah meja. Faktor kurang keyakinan diri dalam diri subjek kajian dan belum menguasai kemahiran menulis, membaca, menakul dan mengira membuatkan subjek kajian menjadi pasif dalam kelas dan selalu lambat menyiapkan tugas hingga sering membawa kerjanya ke rumah sedangkan boleh disiapkan dalam bilik darjah pada hari itu.

Manakala melalui analisis hasil kerja murid ini dalam kelas, saya mendapat subjek kajian selalu tidak menyiapkan latihannya. Dia tidak siap kerja terutamanya latihan menulis huruf dalam buku tulis. Berdasarkan hasil kerjanya, saya mendapat terdapat banyak kesalahan huruf terbalik pada buku tulisnya terutamanya menulis huruf konsonan “b” kecil, “e” kecil, “f” kecil, “k” kecil, “m” kecil, “s” kecil dan “z” kecil.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. membolehkan kanak-kanak prasekolah menulis huruf dengan cara yang betul melalui teknik buku garisan tiga, dan
- ii. membolehkan kanak-kanak prasekolah memegang pensel dengan teknik yang betul melalui teknik pengulangan.

### **Persoalan Kajian**

Persoalan kajian yang ingin dijawab dalam kajian ini ialah:

- i. Adakah kesan penggunaan teknik garis tiga dapat mengurangkan masalah kanak-kanak prasekolah menulis huruf terbalik?
- ii. Adakah teknik garis tiga dapat membantu saya dalam meningkatkan kemahiran kanak-kanak prasekolah menulis huruf dengan betul?

## **PELAKSANAAN TINDAKAN**

Manurut Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Nyusmini Md. Yusoff (2007), kaedah latih tubi digunakan membantu masalah murid disleksia. Mereka membahagikan kaedah ini kepada dua bentuk, iaitu latih tubi bertulis dan lisan. Latih tubi secara bertulis adalah pengedaran soalan bercetak yang perlu dijawab oleh murid pada kertas soalan / jawapan. Manakala latih tubi lisan adalah pertanyaan lisan guru yang perlu dijawab oleh murid secara spontan.


### **Perancangan Tindakan**

Saya telah merancang pelan tindakan untuk melaksanakan kajian tindakan saya. Hal ini adalah untuk memastikan segala perkara yang saya buat berjalan dengan lancar dan memudahkan saya untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian saya. Tindakan awal yang telah saya lakukan adalah saya mengenal pasti masalah penulisan kanak-kanak berdasarkan kepada hasil kerja mereka. Berdasarkan itu tadi, saya telah menyemak buku tulis kanak-kanak Prasekolah A S.K Cemerlang seramai 23 orang murid untuk melihat kesalahan dalam penulisan mereka. Setelah itu, saya memilih subjek kajian berdasarkan pada kesalahan dalam hasil kerja mereka. Dengan itu juga saya telah memilih seorang subjek kajian. Kemudian saya telah meminta izin daripada penjaga, guru prasekolah dan guru besar untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan subjek kajian saya ini. Selesai dengan itu, barulah saya telah menjalankan langkah pertama iaitu memerhati cara subjek kajian saya menulis huruf dan membetulkan subjek menulis huruf yang betul menggunakan buku garis tiga. Saya meninjau perkembangan subjek kajian tanpa subjek kajian saya mengetahuinya. Dalam masa yang sama juga saya telah memberikan lembaran kerja khas untuk subjek kajian saya sambil itu saya memberikan bimbingan individu kepada subjek kajian saya.

### **Tindakan Kajian**

Melihat kepada kesalahan yang berlarutan, saya telah mengkaji dan mengenal pasti punca masalah subjek kajian saya menulis huruf terbalik. Salah salah satu faktornya adalah cara memegang pensel subjek kajian saya adalah berlainan daripada kebiasaan orang. Perkara pertama yang telah saya laksanakan terhadap subjek kajian saya adalah membuat perkembangan motor halus terhadap subjek kajian dengan menulis huruf pada pasir, membentuk huruf dari doh. Saya memberikan subjek saya marker bersaiz besar untuk dia belajar memegang objek menyerupai bentuk pensel. Subjek diberi peluang untuk menulis dan melukis pada kertas A4 menggunakan marker. Subjek ditegur serta merta dan ditunjukkan cara memegang marker menyerupai teknik memegang pensel dengan betul. Setelah dapat menulis dan melukis menggunakan marker bersaiz besar, saya menukarnya kepada saiz sederhana dan akhir sekali kepada pensel 2B yang biasa digunakan dalam prasekolah. Teknik ansur maju yang digunakan memboleh subjek saya memegang pensel dengan teknik yang betul.

Selesai membetulkan caranya memegang pensel, barulah saya memfokuskan masalah utama subjek saya yang sering melakukan kesalahan menulis huruf terbalik. Saya menggunakan buku garisan tiga yang semakin dikecilkan ruangnya seperti pada rajah 1 untuk mengurangkan masalah menulis huruf terbalik oleh subjek.



**Rajah 1 : Contoh lembaran garis tiga bersaiz besar, sederhana dan biasa**

Bagi menguji keberkesanan tindakan saya menggunakan teknik garisan tiga, saya telah memberikan lembaran kerja khas untuk subjek menulis huruf pada buku garis tiga sekali seminggu, dimana saya memilih pada hari Jumaat dan pelaksanaanya sejam sebelum waktu tamat. Saya mula memberi lembaran kerja khas untuk subjek menulis huruf pada 16 Mac, 23 Mac dan 30 Mac 2012. Kemudian, saya menjalankan internship ke sekolah yang sama dan memberikan subjek lembaran kerja khas pada 29 Jun 2012. Lembaran kerja ini adalah untuk mengukur kekerapan subjek menulis huruf terbalik. Dalam lembaran kerja berkenaan, subjek hanya menulis huruf 10 kali. Kesalahan dicatat dan telah dikumpul datanya dalam bentuk jadual seperti pada jadual 1. Hasil daripada jadual itu, saya telah menganalisis data dan menukarkannya ke dalam graf bagi memudahkan bacaan hasil dapatkan. Terakhir sekali saya merumuskan atau melaporkan hasil kajian sama ada teknik penggunaan garisan tiga dan bimbingan individu secara berulangan berkesan ataupun tidak dalam mengurangkan kesalahan subjek kajian daripada menulis huruf terbalik.

## METODOLOGI

Kajian tindakan ini menggunakan pendekatan kualitatif yangtelah mengkaji masalah murid saya yang sering melakukan kesalahan menulis huruf terbalik. Saya menggunakan teknik buku garis tiga dan pengulangan bagi mengurangkan masalah murid saya daripada menulis huruf terbalik. Aspek yang saya gunakan sebagai sumberuntuk saya melaksanakan tindakan bagi menjawab soalan kajian saya adalah peserta kajian, etika penyelidikan, teknik kumpulan data, dan analisis data.

### Peserta Kajian


Kumpulan kajian saya disarankan kepada kanak-kanak Prasekolah A S.K Cemerlang (bukan nama sebenar) yang terdiri daripada 23 orang kanak-kanak berusia enam tahun. Saya memfokuskan kepada seorang murid sebagai subjek kajian. Saya memilih subjek berdasarkan kepada hasil kerja pada buku latihan murid yang saya semak. Subjek didapati mempunyai masalah dalam kemahiran menulis. Subjek sering melakukan kesalahan menulis huruf terbalik. Subjek kajian merupakan anak kedua daripada tiga adik beradik. Saya mendapati beberapa perkara pelik yang dilakukan oleh subjek diantaranya adalah suka menyembunyikan diri apabila ditegur, makan sikit waktu rehat dan memberikan makanan kepada rakan disebelahnya, cepat menggelabah ketika disuruh cikgu, kekok semasa guru melihatnya menulis huruf dan tidak berani untuk menulis huruf dihadapan papan putih.

### **Etika Penyelidikan**

Pada praktikum fasa III selama sebulan berada di sekolah Cemerlang (bukan nama sebenar), saya telah membuat kertas kerja sebelum membuat kajian. Saya terlebih dahulu merancang rangka tindakan yang hendak saya laksanakan. Saya dengan itu juga memaklumkan kepada guru prasekolah A, S.K Cemerlang bahawa saya hendak memilih subjek daripada kanak-kanak prasekolah A, S.K Cemerlang.

### **Teknik Mengumpul Data**

Saya telah mengumpul data subjek kajian melalui semakan hasil kerja subjek kajian seperti pada rajah 2.




**Rajah 2 : Kesalahan huruf “s” dalam hasil kerja subjek kajian**

Saya juga mengumpul data subjek kajian melalui gambar seperti pada rajah 3 dibawah. Saya mengambil gambar cara subjek kajian saya memegang pensel, kemudian hasil kerjanya dalam buku tulis daripada sebelum, semasa dan selepas saya menggunakan teknik ansur maju. Subjek menulis dan melukis menggunakan marker bersaiz besar, kemudian sederhana dan seterusnya pensel. Subjek diajar memegang objek bersaiz besar yang menyerupai bentuk pensel. Masa untuk menukar marker kepada saiz sederhana dan akhirnya pensel bergantung kepada tahap subjek mengusai kemahiran memegang pensel dengan betul.




**Rajah 3 : Kesalahan memegang pensel oleh subjek.**

Hasil kerja murid daripada tinjauan awal seperti pada rajah 4 dibawah adalah penting bagi saya mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh subjek kajian saya.



Rajah 4 : Hasil kerja subjek kajian sebelum tindakan menggunakan garisan tiga dan pengulangan dilaksanakan.

Setelah subjek mendapat tindakan daripada saya menggunakan buku garis tiga dan teknik pengulangan yang dibimbing secara individu, subjek telah menunjukkan peningkatan dalam menguasai kemahiran menulis seperti pada rajah 5 dibawah. Subjek telah mengurangkan kesalahan menulis huruf terbalik.



Rajah 5 : Hasil kerja subjek kajian semasa tindakan menggunakan garisan tiga dan pengulangan dilaksanakan.

Saya juga mengumpul data subjek kajian dengan menemu bual guru prasekolah, kerana beliau lebih tahu tahap perkembangan murid ini. Hasil temu bual saya pada 10 Februari 2012 bersama dengan guru pembimbing memberikan jawapan seperti berikut:


- Saya : Bagaimana dengan tahap perkembangan Manja (bukan nama sebenar) dalam menguasai kemahiran menulis?
- Cikgu : Manja (bukan nama sebenar) lambat menguasai kemahiran menulis jika dibandingkan dengan rakan sebaya yang lain. Jika diperhatikan, caranya memegang pensel mempengaruhi tulisannya.
- Saya : Bagaimana pula dengan latihan yang diberikan kepadanya?
- Cikgu : Manja sering tidak siap latihan menulisnya. Hasil kerjanya juga tidak kemas dan terdapat banyak kesalahan huruf terbalik.

Hasil daripada temu bual membuktikan bahawa subjek kajian mempunyai masalah memegang pensel dengan teknik yang betul dan tidak siap latihan menulisnya. Melalui temu bual ini juga hasil kerja subjek kajian tidak kemas dan selalu menulis huruf terbalik.

Penilaian berdasarkan pemerhatian telah memberikan saya gambaran tentang subjek kajian semasa dia melakukan kerja yang diberikan. Melalui tinjauan awal, masalah subjek kajian disini adalah kurang dalam membezakan bentuk huruf dan terkeliru dengan bentuk huruf yang hampir sama bentuk seperti b dan d, c terbalik, s terbalik dan sebagainya. Saya juga mendapati subjek kajian bermasalah untuk memegang pensel dengan betul. Hal ini tidak disedari sebelum ini dan telah

membiasakan subjek kajian untuk memegang pensel dengan teknik yang salah. Perkara ini menjelaskannya untuk menulis huruf dengan betul.

Oleh itu, saya telah bertegas untuk menegur dan memerhatikan subjek kajian memegang pensel dengan cara yang betul. Kanak-kanak ini ditunjukkan cara yang betul memegang pensel dan saya membantu untuk membentulkan jarinya memegang pensel seperti pada rajah 6. Setiap perkembangan yang dibuat oleh subjek kajian saya catatkan pada diari khas untuk subjek kajian bagi memudahkan saya menilai dan melihat hasilnya.



**Rajah 6 : Perkembangan tulisan subjek kajian selepas dilaksanakan teknik garisan tiga dan pengulangan.**

### **Menganalisis dan Menyemak Data**

Dalam kajian ini, saya telah menggunakan tiga cara untuk menganalisis data kajian iaitu analisis kandungan, analisis jadual dan analisis graf.

Melalui cara menganalisis kandungan, saya telah meneliti hasil kerja yang dibuat oleh subjek kajian. Saya telah meneliti kandungan kesalahan penulisan huruf terbalik berdasarkan hasil kerja subjek kajian.

Melalui cara menganalisis jadual yang telah digunakan, saya telah mencatatkan kesalahan huruf terbalik pada buku tulis garisan tiga murid ini. Bagi huruf yang terbalik, kekerapan kesalahan telah dicatatkan bagi memudahkan saya mengenal huruf yang masih ditulis terbalik oleh subjek kajian. Hasil pola kekerapan tadi saya memindahannya dalam bentuk jadual seperti pada jadual satu. Kekerapan kesalahan huruf terbalik semuanya dicatat pada jadual satu. Hal ini dapat membantu saya mengenalpasti sama ada penggunaan buku garisan tiga dapat membantu mengurangkan subjek kajian melakukan kesalahan menulis huruf terbalik.

Saya telah menyediakan huruf a, b, c hingga z pada lembaran kerja khas seperti pada rajah enam untuk subjek. Lembaran khas ini telah dibuat oleh subjek kajian setiap hari jumaat, sejam sebelum waktu pembelajaran dan pengajaran tamat. Melalui hasil kerja ini saya telah mencatatkan kesalahan huruf yang kerap ditulis terbalik oleh subjek kajian untuk setiap minggu. Berdasarkan jadual 1, saya telah memerhatikan kepada kekerapan huruf yang ditulis terbalik oleh subjek kajian untuk setiap minggu. Perubahan pada jumlah kekerapan kesalahan huruf setiap minggu menunjukkan kepada keberkesanan teknik garisan tiga boleh mengurangkan menulis huruf terbalik oleh subjek kajian saya. Lembaran kerja yang telah saya sediakan seperti pada rajah 7 dibawah dan subjek dikehendaki meniru huruf sebanyak 10 kali sahaja.



**Rajah 7 : Contoh Lembaran Kerja Khas**

Manakala melalui analisis graf pula, saya merujuk jadual 1 untuk memindahkan maklumat berkenaan dalam bentuk graf seperti pada rajah 8 bagi mudahkan bacaan pada perubahan data.


Huruf	Kekerapan Kesalahan Huruf			
	Mac		Jun	
	M2 16 Mac 2012	M3 23 Mac 2012	M4 30 Mac 2012	M4 29 Jun 2012
b	7	4	2	1
c	9	6	3	0
d	8	5	5	3
e	8	8	6	4
h	7	6	3	1
k	8	7	5	0
s	9	9	4	2
u	7	5	4	0
y	8	6	5	2
z	9	8	4	2

**Jadual 1 : Kekerapan huruf terbalik oleh subjek kajian**

Penurunan pada bacaan graf seperti pada rajah 8 telah menunjukkan keberkesanan penggunaan garisan tiga dapat mengurangkan kesalahan subjek menulis huruf terbalik. Warna yang berlainan pada graf merujuk kepada petunjuk yang disediakan. Petak bewarna mewakili berapa banyak kesalahan menulis huruf terbalik oleh subjek kajian.

#### **Menyemak data**

Bagi menyemak data, saya telah menggunakan triangulasi masa. Saya telah membuat perbezaan hasil kerja murid saya sebelum, semasa dan selepas tindakan terhadapnya dilaksanakan. Hasil kerja murid saya menunjukkan peningkatannya menguasai kemahiran menulis daripada banyak melakukan kesalahan menulis huruf terbalik, boleh dikurangkan dari masa ke semasa seperti hasil dapatkan pada rajah 8.



Rajah 8

### Dapatan Kajian

Empat peringkat tindakan yang telah saya laksanakan terhadap Manja iaitu pada 05 Mac 2012, saya telah memberikan lembaran mewarna khas kepada subjek untuk membiasakan subjek memegang pensel dengan betul. Saya menggunakan kaedah teguran secara berterusan dan memberi tunjuk cara kepada subjek bagaimana teknik memegang pensel dengan betul. Sehingga subjek dapat memegang pensel dengan betul, kemudian pada 12 Mac 2012 saya memfokuskan kepada tindakan kedua iaitu subjek menulis huruf pada buku garis tiga yang diubah besar. Subjek diberikan bimbingan individu bagaimana menulis huruf dengan arah yang betul dan huruf ditulis berulang kali pada buku garis tiga yang diubah besar tersebut.


Setelah itu, tindakan ketiga saya pada 19 Mac 2012. Saya menggunakan lembaran khas garis tiga yang sederhana ruangan garisnya. Subjek sentiasa ditegur dengan kesalahan huruf yang ditulisnya. Subjek diberikan bimbingan individu dan menulis huruf secara berulang. Seterusnya tindakan keempat pada 26 Mac 2012, dimana saya menggunakan buku tulis garis tiga yang biasa digunakan dalam prasekolah. Subjek juga diberikan bimbingan individu, menulis huruf berulang kali, ditegur dan ditunjukkan serta merta kesalahannya menulis huruf. Tindakan saya seperti pada rajah 9 dibawah.

Tindakan I (bermula pada 05 Mac 2012)	Tindakan II (bermula pada 12 Mac 2012)	Tindakan III (bermula pada 19 Mac 2012)	Tindakan IV (bermula pada 26 Mac 2012)

Rajah 9 : Empat peringkat tindakan yang telah diambil terhadap Manja.

211

Didapati Manja semakin kurang melakukan kesalahan menulis huruf terbalik. Bukan itu sahaja, malahan tulisan manja semakin kemas. Walaupun masih terdapat kesalahan huruf terbalik dilakukan, namun kesalahan huruf terbalik berada pada tahap minimum. Rajah 10 menunjukkan kemajuan Manja dalam menguasai kemahiran menulis setelah melaksanakan tindakan yang dirancang.

Sebelum	Selepas
 Cara Manja memegang pensel sebelum tindakan dilaksanakan.	 Cara Manja memegang pensel setelah tindakan dilaksanakan
 Tulisan Manja pada awal tindakan dilaksanakan. (10 Februari 2012)	 Tulisan Manja di akhir tindakan dilaksanakan. (30 Mac 2012)

**Rajah 10 : Perubahan Manja dalam menguasai kemahiran menulis**

Setelah saya membuat penyelidikan tindakan dengan melaksanakan kaedah menulis huruf menggunakan buku garis tiga terhadap subjek kajian semasa menjalankan praktikum fasa tiga di S.K Cemerlang (bukan nama sebenar), saya mendapati tulisan subjek lebih kemas dan dia boleh menulis huruf dengan teknik yang betul walaupun tidak semua huruf. Subjek dapat mengurangkan kesalahan menulis huruf terbalik melalui semakan hasil kerja subjek. Dengan itu, teknik garisan tiga boleh membantu saya meningkatkan kemahiran subjek menguasai kemahiran menulis huruf dengan betul. Data dikumpul melalui lembaran kerja khas yang telah saya sediakan. Lembaran khas akan dibuat oleh subjek setiap jumaat, sejam sebelum waktu sekolah tamat. Lembaran khas ini untuk menguji tahap subjek dapat menguasai kemahiran menulis setelah tindakan dilakukan terhadap subjek. Kekerapan kesalahan huruf terbalik yang ditulis oleh subjek semasa membuat lembaran khas seperti pada rajah 8 berkenaan membuktikan tahap subjek menguasai kemahiran menulis dengan teknik yang betul.

## REFLEKSI

### **Refleksi Dapatan**

#### **Soalan 1 : Adakah kesan penggunaan teknik garis tiga dapat mengurangkan masalah kanak-kanak prasekolah menulis huruf terbalik?**

Melihat kepada dapatan yang telah diperoleh berdasarkan kepada bacaan graf pada rajah 8 terbukti dapat menjawab soalan 1 yang mengandaikan adakah kesan penggunaan teknik garis tiga dapat mengurangkan masalah kanak-kanak prasekolah menulis huruf terbalik. Ya, penggunaan teknik garis tiga dapat mengurangkan masalah kanak-kanak prasekolah menulis huruf terbalik. Hasil daripada dapatan ini saya merasa gembira dengan kejayaan tindakan yang telah saya laksanakan pada subjek. Sedikit sebanyak daripada tindakan saya memberi kesan kepada pengurangan jumlah murid tahap satu kelas perdana yang masih belum menguasai kemahiran menulis. Sekiranya tindakan saya ini dapat diteruskan, impaknya sejahtera dengan objektif umum kajian iaitu jumlah murid yang dimasukkan ke dalam kelas pemulihan boleh dikurangkan. Murid yang masuk kelas pemulihan bukan sahaja belum menguasai kemahiran membaca, malahan bermasalah dalam kemahiran menulis. Jika setiap tahun jumlah murid dalam kelas pemulihan dapat dikurangkan dan mencapai tahap sifar, tahap pendidikan dalam Negara kita semakin meningkat. Kanak-kanak pada hari ini yang akan menjadi peneraju Negara kita pada masa hadapan boleh membawa Negara kita mencapai negara maju seiring dengan negara-negara lain di dunia ini.

#### **Soalan 2 : Adakah teknik garis tiga dapat membantu saya dalam meningkatkan kemahiran kanak-kanak prasekolah menulis huruf dengan betul?**

Berdasarkan kepada dapatan kajian telah dapat menjawab persoalan 2 yang mengandaikan adakah teknik garis tiga dapat membantu dalam meningkatkan kemahiran kanak-kanak prasekolah menulis huruf dengan betul. Ya, teknik garisan tiga dapat membantu dalam meningkatkan kemahiran kanak-kanak prasekolah menulis huruf dengan betul. Dapatan terbukti melihat kepada kekerapan kesalahan menulis huruf terbalik dapat dikurangkan. Perkara ini bermakna subjek dapat meningkatkan kemahirannya menulis huruf dengan betul dan lebih kemas. Saya berbangga dengan pencapaian subjek yang telah membuktikan bahawa teknik garisan tiga boleh mengurangkan kesalahan menulis huruf terbalik dan meningkatkan subjek dalam teknik menulis huruf dengan betul. Hasil kerja subjek juga didapati kemas dan teratur.

### **Refleksi Penilaian tindakan**

Sesuatu penyelidikan sememangnya mempunyai kekuatan dan kelemahan. Jadual 2 memaparkan ringkasan kekuatan dan kelemahan penyelidikan tindakan ini.

**Jadual 2 : Kekuatan dan kelemahan penyelidikan tindakan saya.**

<b>Kekuatan</b>	<b>Kelemahan</b>
i. Kaedah garis tiga danteknik pengulangan berkesan terhadap subjek kajian. ii. Dapat membina hubungan baik dengan pihak sekolah dan keluarga subjek. iii. Mudah dijalankan kerana kebanyakan masa yang digunakan adalah semasa berada dalam kelas. iv. Tidak memerlukan bahan yang banyak untuk tindakan.	i. Terlalu banyak masa diperuntukkan kepada Manja (bukan nama sebenar) semasa berada dalam kelas sehingga murid lain berasa hairan dengan perkara ini. ii. Kurangnya dalam pengalaman dalam menyediakan penyelidikan tindakan menyebabkan kesukaran bagi saya menghasilkan kertas cadangan sehingga ke peringkat pelaporan penyelidikan tindakan ini.
<b>Cadangan Penambahbaikan</b>	
i. Melakukan perubahan gaya pada pelaksanaan penyelidikan di dalam kelas dengan lebih mengamalkan penyelidikan tindakan secara senyap. ii. Membuat rujukan dengan pensyarah dan membuat banyak bacaan dalam buku-buku ilmiah mengenai kemahiran menulis terutamanya menyelesaikan masalah murid menulis huruf terbalik.	

Sesuatu kajian itu tidak dapat lari daripada mempunyai kelemahan tertentu, lebih lagi kajian ini adalah penyelidikan tindakan pertama saya. Perkara utama yang telah saya pelajari adalah betapa saya harus melaksanakan penyelidikan tindakan ini dengan lebih bersahaja agar tidak wujud perbezaan yang ditunjukkan antara murid yang dikaji dengan murid lain dalam kelas yang sama.

**Refleksi Pembelajaran Kendiri**

Melalui penyelidikan tindakan yang telah saya lakukan, saya menggunakan teknik buku garis tiga untuk mengurangkan masalah subjek sering melakukan kesalahan menulis huruf terbalik. Pengalaman menjalankan kajian ini memberarkan saya mengaplikasikan teknik-teknik pembelajaran yang sesuai seperti menggunakan buku garis tiga untuk memperbaiki subjek menulis huruf terbalik. Di samping itu, kaedah buku garis tiga yang saya gunakan membantu memperbaiki kekemasan tulisan subjek.

Pada masa akan datang,saya akan mengaplikasikan kaedah buku garis tiga ini kepada murid saya yang lain sekiranya murid tersebut mengalami masalah menulis huruf terbalik seperti Manja. Kaedah yang saya gunakan ini sememangnya telah membuka mata saya bahawa peranan guru amat penting untuk meneroka masalah yang dihadapi oleh murid-murid saya yang lain.

Apa yang lebih mengagumkan saya dalam tindakan kajian ini adalah subjek bukan sahaja dapat mengurangkan kekerapan menulis huruf terbalik, malahan tulisannya telah bertambah baik dan kemas.

### Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya

Setelah melihat kejayaan kaedah yang saya laksanakan, saya bercadang untuk menyambung penyelidikan ini pada kitaran seterusnya. Oleh kerana Manja masih mengalami masalah menulis huruf terbalik tetapi pada skala yang rendah, saya berharap saya dapat menambah baik pula kualiti penulisannya.

Pada masa yang akan datang, saya bercadang untuk lebih fokus kepada kemahiran menulis Manja dalam aspek kekemasan tulisannya. Walaupun saya telah membetulkan teknik Manja memegang pensel pada peringkat tindakan pertama, fokus tersebut bukanlah perkara utama yang saya tekankan semasa menjalankan penyelidikan tindakan ini. Masalah kekemasan tulisan juga menyumbang kepada masalah subjek menulis huruf terbalik.

Saya berharap dapat menggunakan kaedah yang sama untuk mengurangkan kesalahan murid yang sering menulis huruf terbalik. Kaedah yang saya gunakan tidak tertumpu kepada murid prasekolah sahaja, malahan diharapkan berkesan kepada murid tahap satu yang masih bermasalah dalam menulis huruf.

### RUJUKAN

- Bold. (2000). *Disleksia : kit penerangan asas*. Pulau Pinang: Bureau on Learning.
- Haliza Hamzah & Joy Nesamalar Samuel.(2008). *Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku*.Selangor : Oxford Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hammond, L & Hughes, P. (1990).*When bright kids fail : how to help children overcome specific learning difficulties*.Australia : Simon and Schuster. Irwin, G. 2000. *Dyslexia*.Manila : BSM SEN Conference.
- Juriyah Long, Raminah Hj. Sabran, Sofia Hamid. (1990). *Perkaedahan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kamarudin Hj. Husin. (1990). *Pengajaran dan Pembelajaran Lisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mercer,C. D. (1997). *Students with learning disabilities*.U.S.A : Merrile, Prentice Hall.
- Miles,T. R. (1983). *Dyslexia : The pattern of difficulties*. Blackweell : Oxford.
- Musa Abdul Wahab. (2002). *Tinjauan ciri-ciri disleksia di kalangan murid pemulihian di zon Pudu, Wilayah Persekutuan*. Latihan Ilmiah: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohaty Mohd Majzub Shafie Mohd. Nor : Fakulti Pendidikan 43600 UKM Bangi Selangor Darul Ehsan.
- Rosana Awg. Bolhasan. (1998). *Disleksia di kalangan pelajar sekolah rendah di Kuching, Sarawak*. Dissertasi Sarjana Sains: Universiti Malaysia Sarawak.

Smith, C. R. (1991). *Learning disabilities. The interaction of learner, task, and setting*. U.S.A : Allyn and Bacon.

Zabidi. (2000). *Disleksia: Kanak-kanak boleh dirawat*. Utusan Malaysia, 20 November.

Zainal Kassan & Suhaila Abdullah.(2010). *Pendidikan Disleksia*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd.

Rohaty Mohd Majzub dan Shafie Mohd.Nor.(2005). *Simptom Disleksia Kanak-Kanak Prasekolah*. *Jurnal Pendidikan*. 30 (2005) 3 -9, menerusi laman : <http://myais.fsktm.um.edu.my/7852/1/Jpendidikan30%5B01%5D.doc>